



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

PEMBUKAAN PERMOHONAN KUOTA PENGGAJIAN PEKERJA ASING BAGI SUB SEKTOR DOBI DAN SUB SEKTOR LOGAM & BARANG LUSUH DI BAWAH SEKTOR PERKHIDMATAN DAN SUB SEKTOR SARANG BURUNG WALET DI BAWAH SEKTOR PERTANIAN

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) ingin memaklumkan bahawa permohonan kuota bagi pengajian pekerja asing di bawah sub sektor seperti di senarai di bawah telah mula dibuka sejak 25 Januari 2023.

Sektor	Sub Sektor	Agensi Kawal Selia
Perkhidmatan	Dobi	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Perkhidmatan	Barang Logam / Barang Lusuh	Kementerian Dalam Negeri
Pertanian	Sarang Burung Walet	Kementerian Pertanian & Kerterjaminan Makanan

2. Majikan di bawah sub sektor yang dinyatakan boleh membuat permohonan pengajian pekerja asing melalui platform Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS) di bawah Modul FWe Approval bagi mendapatkan kelulusan pengajian pekerja asing daripada Ketua Pengarah JTKSM (KP JTKSM) selaras dengan penguatkuasaan Seksyen 60K Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022). Majikan seterusnya boleh membuat permohonan kuota melalui Modul eQuota setelah mendapat kelulusan KP JTKSM.
3. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Bahagian Pengurusan Pekerja Migran KSM di talian 03-8885 2939/2940.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
9 FEBRUARI 2023**